



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEKELILING PENDAFTAR

Bilangan 47 /2008

Kepada Semua
Dekan Fakulti/Ketua Pusat/Ketua Bahagian/Ketua Unit/Pengarah Kampus

Assalamualaikum warahmarullahi wabarakatuh

Yang Berbahagia Datuk/Dato'/Datin/Prof./Dr./Tuan/Puan

PERMOHONAN BAJET PERJAWATAN DI BAWAH ANGGARAN BELANJA MENGURUS (ABM) TAHUN 2010

Dengan segala hormatnya, menarik perhatian Yang Berbahagia Datuk/Dato'/Datin/Prof./Dr./Tuan/Puan kepada perkara di atas.

Adalah dimaklumkan bahawa, Unit Perancangan Guna Tenaga, Jabatan Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar akan melaksanakan proses Permohonan Bajet Perjawatan Fakulti/Pusat/Bahagian/Unit dan Kampus Cawangan bagi Anggaran Belanja Mengurus (ABM) Tahun 2010.

Pemeriksaan/audit bajet perjawatan 2010 akan dilaksanakan pada bulan April 2009 oleh pihak pengurusan UiTM sebelum permohonan tersebut dikemukakan dan dibentangkan kepada pihak agensi pusat [Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA), dan Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)] untuk tujuan pemeriksaan/audit perjawatan bagi mendapatkan kelulusan peruntukan tambahan perjawatan UiTM.

Sehubungan dengan itu, semua Dekan Fakulti/Ketua Pusat/Ketua Bahagian/Ketua Unit/Pengarah Kampus adalah diminta untuk menyediakan dan mengemukakan Permohonan Bajet Perjawatan Fakulti/Pusat/Bahagian/Unit dan Kampus Cawangan masing-masing bagi Tahun 2010.

Penyediaan permohonan bajet perjawatan bagi tahun 2010 hendaklah disediakan mengikut format dan melengkap borang-borang justifikasi permohonan yang telah ditetapkan (panduan permohonan bajet perjawatan dan borang-borang justifikasi permohonan boleh dimuat turun daripada laman web Pejabat Pendaftar iaitu di alamat <http://www.pendaftar.uitm.edu.my> .

Permohonan bagi jawatan teknikal di Bahagian Pengurusan Fasilitas Kampus Cawangan hendaklah dikemukakan terus kepada Pejabat Pengurusan Fasilitas, UiTM Shah Alam sepertimana dijelaskan di dalam Pekeliling Naib Canselor Bil.27/2006 bertarikh 21 September 2006 - Keperluan Staf Perkhidmatan Fasilitas UiTM. Sementara itu, permohonan jawatan-jawatan Teknologi Maklumat (ICT) hendaklah dikemukakan kepada Pusat Sistem Maklumat Bersepadu (PSMB) UiTM, Shah Alam.

Satu (1) salinan permohonan jawatan-jawatan teknikal dan teknologi maklumat (ICT) hendaklah di kemukakan kepada Unit Perancangan Guna Tenaga (UPGT), Jabatan Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar.

Oleh yang demikian, semua permohonan bajet perjawatan tahun 2010 hendaklah dikemukakan ke Unit Perancangan Guna Tenaga, Jabatan Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar sebelum atau pada **1 Mac 2009** berserta dengan :-

- a. Salinan asal bercetak
- b. Salinan asal dalam bentuk CD


Permohonan yang tidak lengkap dan tidak mengikut format yang telah ditetapkan serta lewat diterima daripada tarikh yang telah ditetapkan, **tidak akan dipertimbangkan**.

Kerjasama Y.Bhg. Datuk/Dato'/Datin/Prof./Dr./Tuan/Puan dengan penyediaan permohonan bajet Perjawatan 2010 yang lengkap serta mengikut format amat dihargai dan diucapkan terima kasih.

Sekian, dimaklumkan.

Wassalam.

Yang benar,



DR. HAJAH ZAHRAH MOKHTAR
Pendaftar

Surat kami : 100-BPD(PTA.6/3)

Tarikh : 31 Oktober 2008